



مجلس باندرای ملاک برسجاره

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod dan **bidang pendaftaran yang berkaitan** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup tender bagi perolehan berikut :

BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT TENDER DITUTUP
MBMB/T/2022/22 MENGUKUR, MENJAHIT, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BAGI TAHUN 2023 & 2024 TARIKH KELULUSAN : 4/11/2022 NO. FAK JABATAN : MBMBJPSM.400-10/3/1 JLD.2	KEMENTERIAN KEWANGAN 020701 - Tekstil ; ATAU 020801 - Pakaian; ATAU 020802 - Kelengkapan Pakaian; ATAU 222401 - Menjahit Pakaian Dan Kelengkapan	HARGA RM50.00 * Tidak akan dikembalikan TARIKH 7 November 2022 (Isnin) sehingga 28 November 2022 (Isnin)	TARIKH 7 November 2022 (Isnin) MASA 11.00 pagi TEMPAT Auditorium MBMB	TARIKH 28 November 2022 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah tender serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Tender dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya petender membuat salinan pendua daripada dokumen tender yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen tender secara dalam talian dengan harga RM50.00 bermula pada **7 November 2022 (Isnin) sehingga 28 November 2022 (Isnin)**.

Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kawangan)**. Jika tender dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PPSM
Ketua Audit Dalam